

Selangor sedia jayakan projek air dari Pahang

BH 14 DEC 2007

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Selangor bersedia untuk membangunkan sebarang prasarana yang diperlukan bagi menjayakan projek pembekalan air dari Pahang ke negeri itu.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada arahan Kabinet dan peruntukan yang disediakan untuk projek berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Tanah Rizab Melayu Selangor, Datuk Shariff Jajang, berkata Kerajaan Selangor kini menunggu arahan Kabinet berhubung perkara itu.

"Jika semuanya lancar, khususnya dari aspek peruntukan, kita tiada masalah membangunkan prasarana yang diperlukan," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kelulusan Jepun memberi pinjaman mudah untuk membiayai projek pembekalan air dari Pahang ke Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, Jepun meluluskan pinjaman mudah bagi Malaysia untuk membiayai beberapa projek pembangunan prasarana, termasuk projek pembekalan air berkenaan.

Bagaimanapun, jumlah pinjaman akan ditentukan kemudian selepas perbincangan lanjut peringkat pegawai.

Projek menyalurkan bekalan air mentah dari Pahang ke Selangor yang sepatutnya bermula dua tahun lalu diputuskan dalam usaha mengelak krisis air di negeri berkenaan dan sekitar Kuala Lumpur selepas 2007.

Selangor dijangka memerlukan bekalan air tambahan dari Pahang selepas tahun 2008 dan pembinaan terowong sepanjang 37.5 kilometer dari empangan di Sungai Telemong, Pahang ke Sungai Langat, Selangor dilaksanakan bagi mengatasi kekurangan itu.

Projek yang dijangka membabitkan perbelanjaan kira-kira RM2 bilion dibiaya sepenuhnya Kerajaan Pusat melalui pinjaman Jepun menerusi program Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA).